

Dr  
**Mohd Yahya Mohd Ariffin**



(Profesor Madya dan Timbalan Dekan, Fakulti Kepimpinan dan Pengurusan, Universiti Sains Islam Malaysia)

# Faktor kebolehpasaran graduan

(Bahagian 1)

**G**raduan lazimnya mencari kerja yang relevan dengan kelayakan dan minat, di samping mampu menjanjikan perkembangan kerjaya yang baik dan terjamin pada masa hadapan.

Analisis Jabatan Tenaga Kerja mendapati bakal pekerja yang tidak mempunyai pengalaman, pendapatan bukanlah menjadi faktor utama untuk bekerja, sebaliknya lebih suka memilih tempat kerja yang berdekatan dengan tempat tinggal, adanya faedah dan kemudahan sampingan serta keadaan tempat kerja yang selesa.

Selain faktor berkenaan, terdapat banyak keperluan yang harus diberi perhatian oleh graduan baru untuk memenuhi kebolehpasaran masing-masing. Berikut ialah faktor yang berkaitan dengan kejayaan mendapat pekerjaan.

## Minat yang tinggi

Minat yang tinggi kepada sesuatu kerjaya seharusnya dipupuk sejak peringkat sekolah. Faktor ini mendorong pelajar untuk menjerus kepada kursus yang diminati pada peringkat pengajian tinggi dan seterusnya bekerja mengikut bidang tugas yang diminati. Apabila memohon

dan ditawarkan kerja yang diminati, sudah tentu menjadi satu dorongan kepada graduan untuk memulakan tugas yang baru diamanahkan.

Cuba elak daripada memohon pekerjaan yang tidak diminati. Misalnya, atas desakan tertentu, anda memohon dan mendapat pekerjaan yang tidak diminati. Ini mungkin akan memberi kesan negatif seperti tekanan, tiada kepuasan bekerja dan masalah dalam menyesuaikan diri dengan kerja baru.

## Kelayakan akademik atau kemahiran

Kelayakan akademik atau kemahiran khusus seperti diploma, ijazah sarjana muda dan kelulusan profesional yang dimiliki ialah aset penting kepada pencari kerja. Hal ini kerana ganjaran pendapatan bergantung kepada kelayakan akademik atau kemahiran khusus yang ada pada calon.

Sebagai contoh, untuk jawatan ahli farmasi, calon perlu memiliki ijazah sarjana muda farmasi, jawatan pegawai perhubungan awam pula memerlukan kelulusan sarjana muda komunikasi, manakala jawatan pembantu teknik, memerlukan kelu-

lusan diploma kemahiran teknikal.

## Penguasaan bahasa Melayu

Bahasa Melayu ialah bahasa kebangsaan dan rasmi negara ini. Bakal pekerja khususnya di sektor awam harus menguasai bahasa Melayu memandangkan bahasa ini menjadi bahasa rasmi dalam urusan perkhidmatan awam.

Semua jawatan dalam sektor awam mewajibkan calon mendapat kepujian dalam bahasa Melayu pada peringkat SPM atau setaraf. Mereka yang bekerja di sektor swasta juga perlu menguasai bahasa Melayu

kerana terdapat urusan dengan jabatan kerajaan dan pelanggan memerlukan penggunaan bahasa ini.

## Penguasaan bahasa Inggeris

Penguasaan bahasa Inggeris memberi satu kelebihan kepada bakal pekerja. Sektor swasta menggunakan bahasa Inggeris secara meluas dalam urusan rasmi mereka. Ketika menghadiri temu duga kerja di sektor swasta, pada kebiasaannya temu duga menggunakan bahasa Inggeris. Ini kerana persepsi yang kita sedia maklum sektor swasta lebih menggunakan bahasa Inggeris dalam urusan perniagaan atau perkhidmatan mereka.

Graduan harus terima hakikat bahawa bahasa itu ialah bahasa perantaraan perniagaan dunia pada masa kini dan dipercayai bahasa utama dunia untuk jangka masa yang panjang, malah sebahagian besar kandungan Internet yang penuh dengan segala jenis maklumat adalah dalam bahasa Inggeris. Untuk bersaing dalam dunia global ini graduan perlu menguasai bahasa itu.

## Kemahiran komunikasi

Graduan harus memahirkkan diri dengan ilmu

berkomunikasi kerana pekerja harus berkomunikasi dan berinteraksi pada setiap masa sama ada secara lisan dan bukan lisan. Anda perlu bercakap, perlu menghubungi pihak lain, menulis surat dan menghantar pekeliling kepada kakitangan.

Apabila berinteraksi dengan orang lain, anda perlu mengadakan mesej lisan dan bukan lisan untuk menyampaikan maksud dengan sebaik mungkin. Komunikasi bukan lisan membabitkan bahasa badan, pergerakan tangan, air muka, senyuman, hubungan mata, sentuhan dan jarak anda dengan orang lain.

Setiap satunya mempunyai maksud tersendiri sama ada positif atau negatif yang bakal memberi kesan kepada komunikasi anda. Tanpa adanya kemahiran berkomunikasi lisan dan bukan lisan sudah tentu akan menimbulkan kesulitan kepada pekerja baru.

Keupayaan menguasai kemahiran komunikasi akan dilihat dan dinilai ketika proses temu duga dan kejayaan graduan banyak bergantung kepada kemahiran itu. Graduan perlu menguasai kemahiran komunikasi supaya mudah diterima bekerja.